

Borang PDPA untuk pelanggan-pelanggan individu

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

Nama: _____

No KP: _____

Untuk memproses permohonan ini dan selanjutnya meneruskan pelaksanaan perjanjian-perjanjian kontrak yang dimeterai antara anda dan mana-mana entiti dalam Kumpulan Maybank, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank dan pihak-pihak luar yang lain. Kumpulan Maybank merujuk kepada Malayan Banking Berhad ("Maybank"), termasuk cawangan-cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain serta juga anak-anak syarikat tempatan dan luar negara. Pihak luar yang kami dedahkan data peribadi anda mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada (1) badan-badan kerajaan dan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, (2) rakan-rakan niaga strategik kami seperti CAGAMAS dan agen-agen pemungutan hutang, (3) vendor-vendor penyumberan luar seperti vendor-vendor yang bekerja dengan kami untuk penyelenggaraan dan penyimpanan data peribadi anda. Pihak-pihak ini mungkin memperoleh dan/atau memproses data peribadi anda di dalam atau di luar Malaysia.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, kami dikehendaki memperoleh persetujuan jelas anda apabila kami mengumpul dan memproses data peribadi sensitif anda. Kami mengumpul data peribadi sensitif anda untuk menilai permohonan anda dan untuk mentadbirkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda telah meterai perjanjiannya.

Dari semasa ke semasa, kami, termasuk entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank atau ejen-ejen kami atau rakan-rakan strategik atau pihak-pihak ketiga lain sedemikian (secara kolektif, "entiti-entiti lain") mungkin memiliki maklumat tentang produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan promosi-promosi yang mungkin menarik minat anda. Untuk mendapatkan maklumat sedemikian, persetujuan anda diperlukan untuk kami memproses, mendedah dan/atau berkongsi maklumat/data anda dengan entiti-entiti lain. Selanjutnya, sila letakkan pilihan anda dengan menandakan kotak berkenaan dalam deklarasi di bawah.

Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisytiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Privasi Kumpulan Maybank dan menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada Kumpulan Maybank :

- untuk meminta dan memperoleh kesemua maklumat dan data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan Maybank.
- untuk mendedahkan data peribadi saya kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank dan pihak-pihak luar lain apabila diperlukan.
- untuk mengumpul dan memproses data sensitif peribadi saya untuk tujuan permohonan ini (yang mana berkaitan).

Dengan menandatangani borang ini, saya/kami seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya/kami telah berikan adalah semuanya benar, terkini dan tepat. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya/kami, saya/kami akan memaklumkan kepada Kumpulan Maybank dengan serta merta..

Berkenaan dengan bahan-bahan promosi dan pemasaran:

- Ya, saya/kami menyatakan persetujuan untuk Kumpulan Maybank dan/atau entiti-entiti lain memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan promosi dan pemasaran.
- Tidak, saya/kami tidak bersetuju untuk Kumpulan Maybank dan/atau entiti-entiti lain memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan promosi dan pemasaran

Tandatangan: _____

Tarikh: _____